

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
17 APRIL 2020**

PERKARA : 5(B)(II)23

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN JAWI
YB. H'NG MOOI LYE**

23. Adakah Kerajaan Negeri ambil inisiatif untuk menyediakan lebih banyak stok topeng muka bagi kegunaan masa kecemasan pada masa hadapan?
- (a) Sila nyatakan harga untuk satu topeng muka.

JAWAPAN OLEH Y.A.B. KETUA MENTERI

23. Kerajaan Negeri sentiasa mengambil langkah proaktif dalam menangani sesuatu bencana atau krisis. Bagi membendung penularan wabak COVID-19 di negeri ini, Y.A.B. Ketua Menteri juga telah melancarkan kempen "Penang Lawan COVID-19".

Melalui kempen ini Kerajaan Negeri telah membekalkan cecair pencuci tangan (*hand sanitizer*), *glove*, *thermometer* dan juga topeng muka (*face mask*) dalam kuantiti yang mencukupi bagi diedarkan kepada Barisan Hadapan (*front liner*) dan juga masyarakat di Negeri Pulau Pinang.

Seperti mana yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Persekutuan bahawa harga siling topeng muka tidak boleh melebihi pada harga RM1.50 dan Kerajaan Negeri telah berjaya mendapatkan bekalan topeng muka pada harga dibawah harga siling tersebut iaitu purata RM1.30 bagi setiap keping. Penyediaan stok topeng muka untuk kegunaan di masa hadapan akan dicadangkan kepada Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri dan JPBD untuk diselaraskan di peringkat masing-masing.